

TEKS UCAPAN
DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN LATIHAN KESEDARAN KUALITI AIR SUNGAI
PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH RENDAH
(LOWER SECONDARY SCHOOL)
HUTAN LIPUR CHEROK TO'KUN
18 MAC 2017 (SABTU), 8.30 PAGI

Yang Berbahagia Profesor Dr. Chan Ngai Weng

Pengerusi Water Watch Penang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Guru-guru dan Murid-murid

Ketua-ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Water Watch Penang kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam mengadakan Majlis Pelancaran Latihan Kesedaran Kualiti Air Sungai Peringkat Sekolah Menengah Rendah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sumber air yang tidak diurus dengan betul akan menyebabkan sumber air jangka panjang yang tidak berkesan. Ini telah menjadi satu isu global dan menimbulkan krisis kepada pengurusan air secara lestari.

Semua pihak seperti isi rumah, industri, institusi dan lain-lain seharusnya tahu untuk membuat perancangan yang sesuai dalam penggunaan air agar pengurusan sumber air dapat dijalankan secara lestari dan mampan. Persekitaran yang baik dan sesuai akan memastikan sumber air tidak tercemar.

Pengurusan sisa dengan baik dan penggunaan teknologi yang berkesan akan membantu mengurangkan air sisa atau air leachate daripada mencemarkan kawasan tadahan air terutama air bawah tanah. Semua pihak harus bekerjasama bagi memastikan program pemulihan dan pengurusan sungai perlu dilakukan secara berterusan bagi menjamin

kesempurnaan ke atas sistem sungai dan sumber air tidak tercemar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Latihan kesedaran dan pendidikan kualiti air sungai bagi murid-murid sekolah menengah rendah merupakan kerjasama MPSP dan Water Watch Penang. Program sepanjang tahun telah diatur bertujuan meningkatkan kesedaran kepentingan sungai dan air di kalangan murid-murid. Setiap bulan, dua buah sekolah menengah akan dijemput bagi menyertai program ini. Latihan termasuk ceramah mengenai pengurusan dan pemeliharaan dan pemuliharaan sungai, pemerhatian kehidupan dalam sungai, pemantauan kualiti air, latihan biologi, kimia dan fizikal serta gotong royong pembersihan. Tempoh latihan adalah sehingga bulan Oktober 2017.

Selain itu, sisa-sisa yang dikumpul akan diasingkan mengikut dasar pengasingan sisa di punca iaitu barangan yang boleh dikitar semula dan sisa baki. Murid-murid yang menyertai program latihan ini akan diberikan sijil penyertaan. Selepas program latihan ini diadakan, pihak MPSP dan Water Watch Penang akan mengadakan pertandingan kuiz dan sentiasa memantau kejayaan sekolah.

Pengurusan kualiti tidak boleh bergantung kepada agensi-agensi kerajaan sahaja tetapi perlu melalui kaedah holistik melibatkan semua pihak. MPSP percaya bahawa 4P iaitu Public, Private, People, Partnership amat penting bagi menjamin pembangunan mampan. Negara-negara seperti Jepun, Korea dan Singapura boleh diambil sebagai contoh kerana berjaya mengurus kualiti air sungai dengan baik.

Pemeliharaan dan pemuliharaan kualiti air amat penting kerana ianya adalah salah satu sumber asas bagi kehidupan manusia. Aktiviti manusia yang menyebabkan punca kualiti air semakin merosot. Kita boleh lihat sehingga kini, masih terdapat orang yang mempunyai tabiat membuang sampah ke dalam sungai. Bukan itu sahaja, pengunjung yang datang beriadah di kawasan bukit dan air terjun selalu meninggalkan sampah sarap dan mengotorkan kawasan riadah menyebabkan air sungai tercemar dan mengundang penyakit kencing tikus '*Leptospirosis*'. Oleh yang demikian, semuanya berbalik kepada tabiat manusia sendiri untuk memastikan air sungai tidak dicemari. Namun dengan adanya program ini, ia dapat membantu dalam menjaga kualiti air sungai.

Saya difahamkan program-program seperti berikut akan diatur bagi mencapai sungai yang bersih :

1. Mengenalinya sungai kita, dengan penglibatan orang awam tentang punca pencemaran.
2. Menganjur program longkang bersih tanpa sampah.
3. Mengamal kehidupan sisa sifar iaitu 5R- *Rethink, Reduce, Reuse, Repair and Recycle*.
4. Mengumpul minyak masak terpakai untuk biodiesel atau membuat sabun.
5. Membuat laporan terhadap individu yang mencemar sungai.
6. Sungai dianak angkat bagi pemulihan.
7. Manjadi saintis komuniti dengan melibatkan diri dalam pemantauan kualiti air sungai.
8. Penjimatan penggunaan air.
9. Menyokong semua aktiviti berkaitan sungai dan air.

Saya berharap perkongsian pintar ini akan berterusan dan membawa kita kepada persekitaran yang lebih bersih. Untuk makluman semua, parit monsun yang terdapat di FTZ Yokohama, Jepun boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti memancing. Saya berharap pada satu hari nanti, kita boleh membela ikan dan memancing di parit monsun yang terdapat di FTZ.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan pada pertemuan kita pada hari ini, untuk sekali lagi mengingatkan semua mengenai Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang yang mana akan dikuatkuasakan penguasaanya pada 1 Jun 2017.

Buat masa sekarang, MPSP telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada premis-premis yang didapati tidak mengasingkan sisa di punca. Sebanyak 9446 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan dari Ogos hingga Disember 2016 dan pada Januari 2017 pula sebanyak 2071 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan.

Majlis Perbandaran Seberang Perai bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menerajui usaha kitar semula untuk membolehkan negeri kita mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi di negara ini. Yang paling penting adalah usaha untuk mengurangkan sisa yang dijana, kemudian mengasingkan sisa yang dijana kepada sisa yang boleh dikitar semula dan sisa yang tidak boleh dikitar semula.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan

sisanya di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Membentuk diri menjadi *agent of change*, bukanlah perkara sukar, kerana ia berbalik kepada diri kita sendiri. Kita juga harus menjadi contoh kepada generasi muda agar apa yang kita lakukan hari ini akan berkesinambungan pada masa hadapan.

Saya dengan ini melancarkan Majlis Pelancaran Latihan Kesedaran Kualiti Air Sungai Peringkat Sekolah Menengah Rendah (Lower Secondary School).

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.